

29/09/1999

Gabungan bank aktifkan pasaran bon

Saidon Idris

PENGGABUNGAN institusi kewangan tempatan bukan saja bakal mewujudkan enam kumpulan perbankan yang lebih kukuh, tetapi turut membantu membangunkan pasaran bon yang lebih aktif di negara ini.

Bekas Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Lin See Yan berkata, ini kerana kekukuhan institusi kewangan itu akan meningkatkan lagi keberkesanan mereka sebagai pengantara kewangan dan pasaran.

Ini katanya, akan mempercepatkan pembangunan pasaran bon yang aktif daripada semua aspek iaitu dalam menyediakan landasan dan mekanisme baru pengantara di antara dana dan risiko, seterusnya meningkatkan kecairan pasaran sekunder bon yang kini sangat diperlukan.

"Pasaran bon yang aktif mempunyai kesan penggandaan besar untuk pembangunan negara," katanya dalam kertas kerja bertajuk Malaysia's experiment with pragmatic free market Keynesianism yang disampaikan semasa dialog Majlis Perniagaan Malaysia-AS di New York semalam.

Dialog itu diadakan sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lin berkata, dari sudut ini, peluang bagi institusi kewangan Amerika Syarikat (AS) mengadakan kerjasama pintar dengan bank Malaysia adalah terbuka luas.

Ini kerana bank teras hasil penggabungan itu sudah tentunya memerlukan kepakaran, kemahiran pengurusan, teknologi serta rantain serantau dan sejagat bagi mencapai matlamat mereka.

Katanya, bidang yang mungkin menjadi tarikan ialah dalam pasaran modal.

Bidang itu, katanya terbuka luas terutamanya kepada bank pelaburan kerana pasaran tempatan bagi sekuriti hutang swasta jangka sederhana dan panjang serta pensekuritian masih lagi baru.

"Ini terutamanya dalam penstrukturan, terbitan, menaja jamin dan perletakan terbitan serta melabur dalam terbitan berkenaan di samping membantu enam bank teras itu dalam mewujudkan pasaran sekunder bon yang lebih aktif," katanya.

Berdasarkan perkembangan proses penggabungan institusi kewangan di Malaysia, Lin menjangkakan hasrat untuk mengukuh dan menyusun semula industri kewangan di Malaysia menjadi kenyataan menjelang April tahun depan.

(END)